



5 Julai 2011
5 July 2011
P.U. (A) 228

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN
PERSEKUTUAN (PINDAAN) (NO. 4) 2011

*MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT
(AMENDMENT) (NO. 4) ORDER 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) (NO. 4) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (Pindaan) (No. 4) 2011**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 11 Jun 2010.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2009 [*P.U. (A) 222/2009*] dipinda berkenaan dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dengan memasukkan dalam ruang "*Perkara*" selepas perkataan "Perancangan dan pelaksanaan program kesejahteraan penduduk dalam kawasan bandar di seluruh Malaysia" yang terdapat bersetentangan dengan perkataan "Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar" dalam ruang "*Jabatan*" dengan perkataan "Menyelaras, mengurus dan merancang pembangunan *Greater* Kuala Lumpur/Lembah Klang".

Dibuat 29 Jun 2011

[PM(BK)S. 11456/13 Jld. 50; PN(PU²)18/XXIV]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN
Setiausaha Jemaah Menteri

MINISTERIAL FUNCTIONS ACT 1969

MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (AMENDMENT)(NO. 4) ORDER 2011

IN exercise of the powers conferred by section 2 of the Ministerial Functions Act 1969 [Act 2], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Ministers of the Federal Government (Amendment)(No. 4) Order 2011**.

(2) This order is deemed to have come into operation on 11 June 2010.

Amendment of Schedule

2. The Schedule to the Ministers of the Federal Government 2009 [P.U. (A) 222/2009] is amended in respect of the Ministry of Federal Territories and Urban Wellbeing by inserting in the “*Subjects*” column after the words “Planning and implementation of resident wellbeing programmes in urban areas throughout Malaysia” appearing against the words “Ministry of Federal Territories and Urban Wellbeing” in the “*Departments*” column the words “Coordinate, manage and plan the development of Greater Kuala Lumpur/Klang Valley”.

Made 29 June 2011
[PM(BK)S. 11456/13 Jld. 50;PN(PU²)18/XXIV]

By Command

TAN SRI MOHD SIDEK BIN HJ. HASSAN
Secretary to the Cabinet